



Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.02.01/10.12/2/1 (16)

21 Julai 2016

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 7 TAHUN 2016:
KADAR KELAYAKAN KEMUDAHAN CUTI REHAT TAHUNAN
BAGI STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil 7 Tahun 2016: Kadar Kelayakan Kemudahan Cuti Rehat Tahunan Bagi Staf Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,

(HARYANI BINTI ABDULLAH)

B.p. : Pendaftar

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 7 TAHUN 2016

**KADAR KELAYAKAN KEMUDAHAN CUTI REHAT TAHUNAN
BAGI STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2015 yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung keputusan Kerajaan untuk menambah baik kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat.

LATARBELAKANG

- 2.0 Kadar kelayakan cuti rehat tahunan staf UMP secara prinsipnya ditentukan berdasarkan tarikh lantikan. Staf yang menolak opsyen perubahan kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan yang ditawarkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil.14/2008, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah seperti Jadual 1 yang berikut;

Jadual 1: Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan bagi Staf Universiti Malaysia Pahang Yang Menolak Opsyen PP Bil.14/2008

Tarikh Lantikan	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan				Genap 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan			
	Gred	Gred	Gred	Pengurusan	Gred	Gred	Gred	Pengurusan
	1-20	21-30	31-54	Tertinggi	1-20	21-30	31-54	Tertinggi
Sebelum 1 September 2005 (PP BIL.4/2002)	20 hari	25 hari	30 hari	30	25 hari	35 hari	35 hari	35 Hari
Mulai 1 September 2005 Hingga 31 Disember 2008 (PP BIL.20/2005)	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	30 hari	30 Hari

Jadual 2 : Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan Bagi Staf UMP Yang Setuju Dengan Opsyen PP Bil.14/2008 dan Lantikan Tetap mulai 1 Januari 2009

Tarikh Lantikan	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan				Genap 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan			
	Gred	Gred	Gred	Pengurusan	Gred	Gred	Gred	Pengurusan
	1-20	21-30	31-54	Tertinggi	1-20	21-30	31-54	Tertinggi
Sebelum 1 Januari 2009 dan Mulai 1 Januari 2009 (PPBIL.14/2008)	20 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari

- 3.0 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008 turut menggariskan kadar kelayakan cuti rehat bagi staf lantikan kontrak dan sementara adalah ditetapkan seperti dalam Jadual 3 berikut;

Jadual 3: Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan bagi Staf Lantikan Kontrak dan Sementara mulai 1 Januari 2009

Kumpulan/Gred	Kadar Kelayakan Cuti Rehat
Pengurusan Tertinggi	25 hari
31 - 54	25 hari
21 - 30	25 hari
1 - 20	20 hari

TAFSIRAN

- 4.0 '**Jawatan lain**' bermaksud jawatan yang mana lantikan pegawai adalah melalui kaedah pertukaran pelantikan, pertukaran tetap, atau Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) / Peningkatan Secara Lantikan (PSL), lantikan terus (lateral entry) atau lantikan ke jawatan baharu;
- 5.0 '**Lantikan terus atau lantikan ke jawatan baharu**' bermaksud pelantikan dalam Pihak Berkuasa Melantik yang sama;
- 6.0 '**Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**' bermaksud suatu urusan pelantikan pegawai daripada skim perkhidmatan yang rendah kepada skim perkhidmatan yang lebih tinggi secara pelantikan baharu yang dilaksanakan oleh UMP tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkaitan. PSL adalah proses lantikan biasa dan bukannya kenaikan pangkat.
- 7.0 '**Lantikan tetap pertama**' bermaksud lantikan tetap pertama seseorang pegawai ke Universiti Malaysia Pahang (UMP).

PELAKSANAAN

8.0 Penambahbaikan Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan

- 8.1. Penambahbaikan kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan staf UMP yang dicadangkan adalah seperti berikut:
 - 8.1.1. bagi pegawai sedang berkhidmat yang **bersetuju dengan opsyen** kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam PP Bil. 14/2008 dan **dilantik** oleh UMP ke jawatan lain yang kadar kelayakan cuti rehatnya adalah lebih tinggi, maka kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama di UMP atau lantikan tetap baharu di UMP, **yang mempunyai kelayakan Cuti Rehat Tahunan yang lebih tinggi**; atau
 - 8.1.2. bagi pegawai sedang berkhidmat dan **bersetuju dengan opsyen** kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam PP Bil. 14/2008 dan tidak dilantik ke jawatan lain, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah **berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama di UMP**; atau
 - 8.1.3. bagi pegawai sedang berkhidmat yang kekal diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut PP Bil. 4/2002 atau PP Bil. 20/2005 dan dilantik ke UMP dengan jawatan lain atau jawatan yang sama yang kadar kelayakan cuti rehatnya berkurangan atau lebih tinggi, maka kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama di UMP atau lantikan tetap baharu di UMP**, yang mempunyai kelayakan **Cuti Rehat Tahunan yang lebih tinggi**; atau
 - 8.1.4. bagi pegawai sedang berkhidmat dan kekal diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut PP Bil. 4/2002 atau PP Bil. 20/2005 dan **dilantik** ke jawatan lain di UMP **melalui kaedah pertukaran pelantikan/pertukaran tetap**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah **berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama** ; atau
 - 8.1.5. bagi pegawai lantikan tetap yang **dilantik mulai 1 Januari 2009**, sama ada dilantik atau tidak dilantik ke jawatan lain selepas itu, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah **berdasarkan tarikh lantikan tetap di UMP**.
- 8.2. Bagi pegawai yang dilantik ke UMP (kecuali yang dilantik melalui pertukaran pelantikan atau pertukaran tetap), **kadar kelayakan cuti rehat di agensi lama adalah tidak diambil kira ke UMP**, walau bagaimanapun **Gantian Cuti Rehat** pegawai yang dikumpul di agensi lama adalah **diambil kira** untuk tujuan faedah persaraan. Oleh itu **kadar kelayakan Cuti Rehat** pegawai adalah **berdasarkan tarikh lantikan tetap di UMP**.
- 8.3. Bagi pegawai lantikan **kontrak dan sementara** yang kemudiannya **dilantik secara tetap** adalah ditentukan **berdasarkan tarikh lantikan ke jawatan tetap di UMP**.

- 8.4. **Genap 10 tahun** perkhidmatan adalah **dikira daripada tarikh lantikan tetap pertama di UMP** (kecuali yang dilantik melalui pertukaran pelantikan atau pertukaran tetap).

9.0 Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan Baharu

- 9.1. Kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan pegawai seperti di perenggan 9.1 hingga 9.4 adalah seperti dalam Jadual 4 yang berikut:

Jadual 4: Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan bagi Staf Universiti Malaysia Pahang mulai 1 Januari 2016

Tarikh Lantikan Tetap Pertama/ Tarikh Lantikan Tetap di UMP	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan				Genap 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	35 hari	35 hari
Mulai 1 September 2005 Hingga 31 Disember 2008	20 hari	25 hari	30 hari	30 Hari	25 hari	30 hari	30 hari	30 hari
Mulai 1 Januari 2009	20 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari

10.0 Kesan Pelaksanaan

- 10.1. Penguatkuasaan pekeliling ini mulai 01 Januari 2016 serta merta menghentikan opsyen dan pemakaian kadar kelayakan Cuti Rehat Tahunan di bawah PP Bil. 14 Tahun 2008.
- 10.2. Kadar kelayakan Cuti rehat tahunan bagi pegawai lantikan kontrak dan sementara yang kemudiannya dilantik secara tetap adalah ditentukan berdasarkan tarikh lantikan ke jawatan tetap.

PEMBATALAN

- 11.0 Dengan penguatkuasaan Pekeliling Perkhidmatan ini;
- 11.1. Lampiran C, perenggan 3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan;
- 11.2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2005 adalah dibatalkan; dan
- 11.3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008 adalah dibatalkan.

TARIKH KUATKUASA

12.0 Pekeling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2016**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD. HAMID BIN MAJID)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 21 Julai 2016

Edaran kepada:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)